

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12 FEBRUARY 2017

Beri tempoh sebulan untuk PAS putuskan: Dr Mahathir

BH - 12/2/2017

➔ Jika tiada keputusan dicapai, pakatan pembangkang sedia lepaskan PAS



Kita ada bincang (pasal penyertaan PAS) sebab dia (Anwar) pun hairan Hadi yang jadi masalah sebab tak mahu jumpa langsung... tak tahulah mungkin dia (Hadi) pembesar, jadi tak boleh jumpa (Presiden PPBM) Tan Sri Muhyiddin (Yassin). Jadi payah nak cakap”

Dr Mahathir Mohamad,
 Pengerusi PPBM

Oleh Suzalina Halid
 suzalina@bh.com.my

✦ Alor Setar

PAS diberi tempoh sebulan untuk membuat keputusan berhubung penyertaan parti itu dalam pakatan pembangkang.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata tempoh itu dianggap memadai dan jika tiada keputusan dicapai, pakatan pembangkang sedia melepaskan PAS daripada menganggotai gabungan itu.


Katanya, perbincangan dengan PAS berdepan kesukaran berikutan keengganan Presidennya, Datuk Seri Hadi Awang, untuk mengadakan perjumpaan.

“Kita sedang cakap (bincang) dengan PAS, namun kita tak boleh tunggu sampai bila-bila... kita kena ada gabungan ini lebih awal.

“Kalau pun PAS tak masuk (pakatan harapan), itu terpulang pada mereka,” katanya pada sidang media selepas menghadiri Wacana PPBM-DAP: Dimensi Baru dan Masa Depan Kuasa Politik Melayu di sini.

Dr Mahathir berkata, perbincangan mengenai penyertaan PAS dalam pakatan pembangkang turut dibangkitkan ketika beliau menemui Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, kelmarin.

Bagaimanapun, katanya; tiada se-



Keratan akhbar BH pada 4 Februari 2017.

barang kata sepakat dicapai.

“Kita ada bincang (pasal penyertaan PAS) sebab dia (Anwar) pun hairan Hadi yang jadi masalah sebab tak mahu jumpa langsung... tak tahulah mungkin dia (Hadi) pembesar, jadi tak boleh jumpa (Presiden PPBM) Tan Sri Muhyiddin (Yassin). Jadi payah nak cakap,” katanya.

Berlainan pendapat

Mengenai pertemuan dengan Anwar itu, Dr Mahathir berkata masih ada beberapa perkara ‘remeh’ yang berlainan pendapat di antara mereka.

“Belum ada apa-apa kata putus lagi... masih terlalu awal untuk me-

tentukan siapa yang bakal mengetuai gabungan pakatan pembangkang,” katanya.

Sementara itu, ketika menghadiri Majlis Bicara Rakyat di Kuala Kedah malam kelmarin, Dr Mahathir melabel rakyat yang menerima bantuan kerajaan sebagai pengemis.

Selain menuduh Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) sebagai agenda Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menjadikan rakyat pengemis, beliau turut mendakwa pelbagai bantuan diberikan termasuk elaun sara hidup nelayan berjumlah RM300 sebulan sebagai usaha ke arah sama yang turut dianggap sebagai suapan.